



TEROKA NOMBOR

1

a

Mukriz, apakah nilai tempat bagi digit 7?

Nilai tempat bagi digit 7 ialah ratus ribu. Nilai tempat ialah nilai bagi kedudukan digit dalam sesuatu nombor.



b Cerakinkan 781 436 mengikut nilai tempat.

Digit	7	8	1	4	3	6
Nilai tempat	ratus ribu	puluh ribu	ribu	ratus	puluh	sa

$$781\,436 = 7 \text{ ratus ribu} + 8 \text{ puluh ribu} + 1 \text{ ribu} + 4 \text{ ratus} + 3 \text{ puluh} + 6 \text{ sa}$$

3

a

Mari lengkapkan carta nilai tempat dan nilai digit bagi 531 089. Kemudian, cerakinkan 531 089 mengikut nilai tempat dan nilai digit.

Digit	5	3	1	0	8	9
Nilai tempat						

$$531\,089 = \boxed{} + \boxed{} + \boxed{} + \boxed{} + \boxed{} + \boxed{}$$